

Memandangkan ada anasir2  
yang menghasut pelajar

---

**MAHATHIR:**

**KUATKAN**



Dr. Mahathir

**DISIPLIN**

**MURID2**

U.M. 18 MAC 1975.

**M**ENTERI Pelajar-an, Dr Mahathir Mohamad hari ini mengarahkan semua pihak yang terlibat dengan sekolah supaya menguatkan disiplin murid-murid memandang terdapatnya pengaruh atau anasir yang menghosut para pelajar untuk kepentingan mereka.

Beliau mengumumkan juga bahawa kementerianya telah mengarahkan semua sekolah mengawal dan memilih dengan teliti orang atau pertubuhan yang ada hubungan dengan murid masuk ke dalam kawasan sekolah.

Sebagai contoh, orang-orang yang dijemput untuk memberi syarahan anjuran persatuan-persatuan sekolah hendaklah diteliti terlebih dahulu. Beliau mengarahkan semua guru besar mematuhi peraturan itu.

## KUALA LUMPUR 17 MAC

Katanya para Pengarah Pelajaran Negeri hendaklah mengarahkan guru besar dan guru-guru penolong mengadakan langkah berkesan untuk memelihara disiplin di sekolah-sekolah tiap masa, sama ada di bilik darjah, asrama atau di luar.

Berucap merasmikan persidangan ke 50 Pengarah-Pengarah Pelajaran Negeri di Lembaga Peperiksaan di sini, Dr. Mahathir menyebut kegelisahan pelajar di peringkat universiti dan sekolah, sebagai perkara yang tidak menyenangkan.

### Tentang

Menurutnya, disiplin ketat apabila dijalankan mungkin ditentang oleh sebilangan pelajar, terutama oleh mereka yang sudah biasa dengan kebebasan yang tidak terhad.

Mereka akan cuba menyatakan perasaan dengan mencari alasan atau issue untuk mengadakan berbagai tindakan. "Mereka mungkin memulaukan pelajaran dan melakukan perbuatan liar," tambahnya.

"Sikap penuntut terpaksa dihadapi pula dengan tindakan disiplin dari pihak sekolah seperti laporan yang tidak baik bagi penuntut yang boleh menjejaskan hasrat penuntut kemudian hari atau pemindahan penuntut dari sebuah sekolah kepada sekolah lain," katanya.

Kata Dr. Mahathir, semua ini akan menarik teguran orangramai dan ibubapa penuntut.

Beliau memberi jaminan kementerianya akan berdiri tegas di belakang pegawai yang bertindak dengan ikhlas dan jujur semata-mata untuk menjaga kepentingan negara dan membolehkan para penuntut yang betul-betul berminat meneruskan pelajaran tanpa diusik oleh penuntut nakal.

Dr. Mahathir memberitahu bahawa anasir-anasir yang tidak diingini itu yang bergerak dari dalam dan luar, telah menyeludup masuk ke dalam masyarakat pelajar dan menghasut mereka yang mudah terpedaya, semata-mata kerana kepentingan anasir itu.

Ramai pelajar terperangkap dan akibatnya mereka terpaksa menghadapi kesusahan, dan ini telah menyebabkan ke-runsingan di kalangan ibubapa.

Beliau yakin tindakan disiplin boleh menghapuskan ke-runsingan yang tidak diingini itu.

Dr. Mahathir juga merayu ibubapa-ibubapa memberi lebih banyak perhatian terhadap kebajikan anak-anak mereka dan membantu guru-guru dalam tugas mendidik anak-anak itu supaya menjadi warga-negara bertanggungjawab.

Dr. Mahathir juga berharap pengarah-pengarah pelajaran memelihara hubungan baik dengan ahli-ahli jawatankuasa kesatuan guru di negeri masing-masing supaya akan ujud suasana yang sihat penuh dengan persafahaman antara satu sama lain.

Beliau berkata adalah sangat baik untuk mengamalkan dasar pintu terbuka supaya dialog-dialog dapat diadakan selalu antara pegawai-pegawai dengan kesatuan guru.

Ini akan membolehkan segala masaalah dapat dibincang dan mencari jalan bagi mengatasinya.